

12 FEB 2000

Ironman-Langkawi

MALAYSIA SERTAI ZON KELAYAKAN SUKAN PALING MENCABAR

LANGKAWI 12 Feb (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Seri Syed Abdul Razak Syed Zain hari ini melancarkan laman web Kejohanan Ironman Triathlon Langkawi 2000 bagi menandakan penyertaan Malaysia dalam zon kelayakan sukan paling mencabar abad ini.

Mereka yang berminat boleh mendapatkan maklumat mengenai kejohanan itu melalui [www.ironmanlangkawi.com.my](http://www.ironmanlangkawi.com.my).

Syed Abdul Razak berkata lebih 100 penyertaan dari dalam dan luar negara diterima sehingga ini termasuk dari Amerika Syarikat, Perancis, Jerman, Australia, Hong Kong, Thailand dan Filipina untuk menyertai kejohanan yang menawarkan hadiah keseluruhan RM95,000 (AS\$25,000) di sini, pada 28 Mei ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan kejohanan itu yang dijangka disertai kira-kira 500 peserta dari seluruh dunia.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian di antara Kerajaan Kedah dan Executive Promotions Sdn Bhd bagi menubuhkan syarikat usahasama Langkawi Ironman Endurance Marathon Sdn Bhd yang akan menjadi pemegang lesen bagi edisi Malaysia yang diiktiraf oleh badan dunia bagi kejohanan itu.

Di majlis itu, Kerajaan Kedah diwakili Setiausaha Kerajaan Datuk Haji Ismail Shafie manakala Executive Promotions diwakili Pengerusi eksekutifnya

Sehingga ini, sebelas negara termasuk Afrika Selatan, New Zealand, Amerika Syarikat, Perancis, Kanada dan Jepun menjadi venue kelayakan ke pertandingan akhir di Hawaii.

Malaysia menjadi satu-satunya negara Asia Tenggara yang menganjurkan kejohanan itu yang pertama kali diadakan di pulau peranginan ini sebagai pertandingan kelayakan antarabangsa bagi kejohanan dunia yang akan diadakan di Kepulauan Kona, Hawaii pada Sept depan.

Syed Abdul Razak berharap ahli sukan tempatan akan menyertai kejohanan itu yang merupakan sukan terbaik pernah diadakan di Malaysia yang menguji kemampuan mental dan fizikal peserta.

Kejohanan itu merangkumi acara renang sejauh 3.8 kilometer, lumba basikal sejauh 180.2km dan maraton sejauh 40.2km, dalam tempoh 17 jam untuk menamatkan semua acara itu.

-- BERNAMA

NH zb